



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 October 2015



TAYANGAN video yang dipertontonkan semalam menunjukkan MH17 ditembak menggunakan peluru berpandu buatan Rusia.

# PM: Malaysia komited heret dalang MH17

um - 14/10/2015

Oleh AMIRUL  
AIMAN ANUAR  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 OKT.

**M**ALAYSIA komited membawa pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 ke muka pengadilan selepas Lembaga Keselamatan Belanda (DSB) mengeluarkan laporan berhubung nahas itu di Ukraine tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sejak sekian lama kejadian itu dispekulasikan pelbagai pihak, akhirnya laporan akhir siasatan DSB telah membuktikan secara konklusif beberapa perkara di sebalik kejadian nahas pesawat itu.

Katanya, hasil laporan tersebut kini akan membuka jalan bagi tindakan selanjutnya untuk memastikan dalang yang bertanggungjawab berdepan dengan hukuman terhadap jenayah pembunuhan yang dilakukannya.

"15 bulan telah berlalu sejak nahas kejadian tersebut, namun komitmen bagi mengheret pelaku jenayah ke muka pengadilan kekal teguh apabila 298 nyawa termasuk 43 rakyat Malaysia yang tidak bersalah terbunuh dalam kejadian malang itu.

"Penyiasaan yang masih di-



280 penumpang, 15 anak kapal MH17 terbunuh

Perkembangan dalam faktor-faktor berikut: pesawat yang terbang pada ketinggian 30,000 kaki...  
 Malaysia Airlines dalam pengatutannya menggunakan...  
 Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Twitternya berkecai dengan laporan...  
 Peristiwa ini akan menggariskan siasatan segera...  
 Peristiwa ini akan menggariskan siasatan segera...  
 Peristiwa ini akan menggariskan siasatan segera...

KERATAN Utusan Malaysia 18 Julai 2014.

jalankan dan diketuai oleh Belanda perlu menjawab pelbagai persoalan serta memberi ruang seluasnya bagi mengenakan tindakan paling maksimum terhadap pihak yang bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan di sini malam ini.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempat bercakap dengan Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte serta Perdana Menteri Australia, Malcolm Turnbull bersama DSB selepas penantian lama

terhadap hasil siasatan tersebut.

Menurut Najib, peristiwa itu merupakan satu perjalanan yang sukar terutama buat ahli keluarga yang telah kehilangan insan yang tersayang dalam nahas pada 17 Julai 2014 itu yang akan sentiasa diingati dalam ingatan dan doa.

"Namun demikian, saya berjanji Malaysia akan kekal menuntut keadilan sehingga dalang di sebalik kejadian tersebut menerima hukuman yang setimpal," katanya.